



**INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEP)**

[www.ijepc.com](http://www.ijepc.com)



## **PENGGUNAAN ANIMASI KARTUN DALAM PEMBELAJARAN PENULISAN KARANGAN FAKTA BAHASA TAMIL**

*THE USE OF CARTOON ANIMATION IN LEARNING TAMIL LANGUAGE FACT  
ESSAY WRITING*

Menaga Thannimalai<sup>1\*</sup>, Kartheges Ponniah<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Faculty of language and communication, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: m20221001693@siswa.upsi.edu.my

<sup>2</sup> Faculty of language and communication, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: kartheges@fbk.upsi.edu.my

\* Corresponding Author

### **Article Info:**

#### **Article history:**

Received date: 05.09.2024

Revised date: 17.09.2024

Accepted date: 10.12.2024

Published date: 17.12.2024

#### **To cite this document:**

Menaga, T., & Ponniah, K. (2024). Penggunaan Animasi Kartun Pembelajaran Penulisan Karangan Fakta Bahasa Tamil. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 9 (56), 283-298.

DOI: 10.35631/IJEP.956018

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



### **Abstrak:**

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti kesan penggunaan animasi kartun dalam pembelajaran penulisan karangan fakta Bahasa Tamil murid tahun empat. Kajian ini berfokuskan kepada murid tahun empat. Kajian ini menggunakan reka bentuk campuran, iaitu kuantitatif dan kualitatif untuk mencapai tiga objektif khusus. Kajian ini menggunakan kaedah kuasi-eksperimen dan analisis skor markah. Sampel kajian terdiri daripada 64 orang murid tahun empat di salah sebuah sekolah di dalam Daerah Seremban, Negeri Sembilan. Murid bagi kumpulan kawalan ialah 31 orang, manakala murid kumpulan rawatan ialah 33 orang. Pengkaji bersama seorang guru juga dipilih sebagai sampel untuk penilaian pencapaian karangan. Huraian data bagi kajian ini dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Huraian data deskriptif bagi reka bentuk kajian kuantitatif adalah dengan menggunakan min dan sisihan piawai. Bagi reka bentuk kualitatif pula diuraikan secara tematik, iaitu berasaskan kriteria penskoran karangan. Dapatkan kajian berdasarkan kuasi-eksperimen menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara ujian pra dengan pasca penulisan karangan fakta Bahasa Tamil. Data kualitatif pula memaparkan bahawa murid cemerlang dalam penulisan karangan adalah lebih ramai dalam ujian pasca berbanding ujian pra. Dapatkan kajian diperolehi daripada analisis deskriptif. Implikasi daripada kajian ini menunjukkan bahawa penulisan karangan meningkat dari segi pencapaian dan kualiti karangan fakta Bahasa Tamil berdasarkan Kriteria Penskoran Karangan Bahagian B oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan animasi kartun banyak membantu murid dalam peningkatan pencapaian dan kualiti karangan fakta. Daripada kajian ini, diharapkan supaya dapat membantu guru dan dijadikan asas ke arah pembangunan kaedah lain bagi semua topik dalam mata pelajaran Bahasa Tamil. Justeru, dicadangkan supaya pihak yang

terlibat dalam kementerian Pendidikan Malaysia menggunakan teknik animasi kartun ini untuk pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan fakta di sekolah rendah.

**Kata Kunci:**

Penulisan Karangan, Animasi Kartun

**Abstract:**

This study was conducted to identify the effects of using cartoon animation in learning and writing factual essays in Tamil for year four students. This study focuses on year four students. This study uses a mixed method, which is quantitative and qualitative to achieve three specific objectives. This study uses quasi-experimental methods and score analysis. The samples of this study consisted of 64 year four students in one of the schools in Seremban District, Negeri Sembilan. Control group consists of 31 students, while the students of the treatment group are 33 students. The researcher together with a teacher was selected as a sample for the assessment. The description of this research data is divided into two, namely, descriptive and inferential analysis. The data description in the quantitative research method is by using mean and standard deviation. As for qualitative method, it is explained thematically, which is based on essay scoring criteria. The findings of the quasi-experimental study showed that there was a significant difference between the pre-test and the post-test of tamil factual essay writing. The findings of the study were obtained from descriptive analysis. The implications of this study is that student's factual essay writing has increased in terms of the achievement and quality based on Part B scoring Criteria of the Malaysian examinations Board. This clearly demonstrates that the cartoon animation greatly assist students in improving the achievement and quality of factual essay writing. This study is expected to assist in the development of techniques for all the topics in Tamil Language subject. Hence, it is proposed that the ministry of education adopt this technique based on the cartoon animation approach in the teaching and learning of factual writing in primary schools.

**Keywords:**

Writing Essay; Animation Cartoon

## Pengenalan

Guru merupakan individu yang paling penting dalam proses murid mencari ilmu. Tanpa guru, proses pembelajaran yang berlaku mungkin tidak akan berkesan. Guru yang mampu menjadikan proses pengajaran itu berkesan merupakan seorang guru yang baik. Pembelajaran penulisan sememangnya memerlukan guru yang mempunyai ilmu yang tinggi dalam bidang ini. Hal ini kerana proses penulisan atau proses menghasilkan suatu karangan bukan suatu proses yang mudah dan memerlukan keupayaan untuk berfikir secara mendalam.

Dalam proses menghasilkan sesebuah penulisan karangan, seseorang murid perlu berpengetahuan tinggi. Murid perlu banyak membaca bagi membolehkan proses menghasilkan penulisan karangan berjalan dengan lancar dan sempurna. Terdapat beberapa kajian yang membuktikan bahawa tahap minat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia masih berada pada tahap yang rendah. Hal ini dapat dibuktikan melalui kajian yang dilakukan oleh Norliza

Abdullah, Zulkifli Osman dan Abdul Munir Ismail (2021). Rakyat Malaysia hanya membaca dua buah buku dalam masa setahun (Portal Rasmi Pejabat Pelajaran Daerah Kerian, 2017). Hal ini membuktikan bahawa sikap tidak minat membaca mendominasi diri setiap individu. Jadi, guru perlu memikirkan strategi pengajaran penulisan karangan yang lebih afektif bagi menjadikan pengajaran yang berkesan.

Sehubungan itu, terdapat pendekatan yang boleh diaplikasikan bagi memudahkan penghasilan sesuatu penulisan karangan. Menurut Ahmad Fikri Ab. Rahman & Zamri Mahamod (2019), terdapat empat pendekatan pengajaran penulisan, iaitu pendekatan terkawal, pendekatan bebas, pendekatan pola perenggan dan pendekatan komunikatif. Melalui pendekatan terkawal, guru dapat membantu dan mengawal murid daripada melakukan kesalahan. Pendekatan bebas pula memberi kebebasan kepada murid untuk menyuarakan pendapat mereka tentang sesuatu tajuk atau tema penulisan. Walau bagaimanapun, pendekatan ini hanya sesuai digunakan bagi murid yang sudah dapat menguasai bahasa dengan baik. Manakala pendekatan pola perenggan pula lebih mengutamakan ciri-ciri pembentukan perenggan yang baik dan pendekatan ini dapat melatih murid supaya berkeupayaan untuk memberikan pendapat dalam perenggan dengan kemas dan teratur. Melalui pendekatan ini juga dapat membantu murid mengetahui cara-cara meringkaskan penulisan dengan baik. Akhir sekali pendekatan tentang struktur bahasa dan kebolehan membina ayat-ayat yang gramatis. Hasil penulisan ini adalah untuk dibaca oleh orang lain atau masyarakat.

Berdasarkan pendekatan ini, guru perlu mempunyai pedagogi yang cukup untuk menyampaikan pengetahuan kepada murid. Guru yang menggunakan pendekatan yang sesuai dan digandingkan dengan bahan bantu mengajar yang sesuai juga mampu menghasilkan pembelajaran yang berkesan. Ini juga dapat menarik dan meningkatkan motivasi murid untuk belajar. Oleh sebab itu, dalam usaha untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani, guru perlu memainkan peranan yang penting dan meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran (Chua Yan Piaw, 2021).

Sehubungan itu, penggunaan animasi kartun sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan mampu mewujudkan suasana yang seronok dan boleh mempengaruhi emosi murid untuk belajar dengan lebih tekun. Kartun adalah suatu penghasilan unik yang diminati oleh pelbagai peringkat manusia (Muhammad Sahrul Fahiz Mat Ariff & Maizatul Haizan Mahbob, 2020).

Menurut Muhammad Sahrul Fahiz Mat Ariff & Maizatul Haizan Mahbob (2020), video animasi kartun yang dapat dipelbagaikan kegunaan itu menjadi bahan untuk murid mengasah minda dan minat bagi meghujah dan menginteraksi sesuai dengan tajuk yang dipelajari. Video animasi kartun dan karikatur ini juga dapat digunakan bagi mempertajam lagi daya kreativiti dan imaginasi murid dengan aktiviti meramal sebelum atau selepas sesuatu cerita.

Video animasi kartun membawa mesej jenaka atau lucu yang mampu membolehkan murid mengingat kembali situasi ataupun peristiwa yang dipamerkan dalam video melalui watak kartun dan sekaligus membolehkan mereka menghasilkan karangan yang lebih bermutu. Hal ini kerana kartun merupakan suatu bahan yang menarik serta menghiburkan. Kartun juga merupakan bahan bacaan yang ringan dan sesuai untuk kanak-kanak khususnya dan murid sekolah rendah amnya (Muhammad Sahrul Fahiz Mat Ariff & Maizatul Haizan Mahbob, 2020). Kartun merupakan suatu simbol yang mudah difahami. Menurut Norliza Abdullah, Zulkifli Osman dan Abdul Munir Ismail (2021), bahasa yang digunakan dalam kartun biasanya

adalah ringkas, mudah difahami, kadangkala ada unsur slanga dan seakan-akan bahasa pasar (bersifat kolokial). Menurut Norliza Abdullah, Zulkifli Osman dan Abdul Munir Ismail (2021), bahan kartun boleh merangsangkan minat dan motivasi murid-murid supaya mereka turut terlibat secara aktif dalam pembelajaran. Tambahan lagi, video animasi kartun amat menyeronokkan, mewujudkan kelas yang aktif dan berfungsi sebagai bahan bantu mengajar yang memberikan banyak manfaat.

Terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan untuk mengenal pasti keberkesanannya bahan kartun dalam pembelajaran. Kanak-kanak biasanya dikaitkan dengan kartun (Shermala Sivabalan & Faridah Mydin Kutty, 2021). Kanak-kanak juga merupakan golongan yang fanatik terhadap kartun. Oleh hal yang demikian, kartun boleh dijadikan sebagai medium dalam pembelajaran menulis karangan bagi murid sekolah rendah. Penggunaan kartun sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran bukanlah suatu perkara yang baru. Hal ini kerana negara-negara barat khususnya negara maju telah menggunakan kartun secara meluas sebagai bahan pembelajaran. Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Nurul Hidayati, Wahono Widodo, Nadi Suprapto, & Husni Mubarok (2019), mendapati kaedah kartun yang digunakan dalam pembelajaran perlu jelas, praktikal, dan berkesan untuk murid yang masih baru mempelajari subjek Sains. Bagi mengukur kesan kaedah kartun kepada guru Sains yang masih dalam pra-perkhidmatan, kajian yang dilakukan oleh Atasoy, Toksoy, & Calik (2020), mendapati penggunaan kaedah kartun dapat meningkatkan interaksi guru dengan murid serta juga dapat membantu guru memilih alternatif untuk menyesuaikan persekitaran dengan konsep Sains. Bagi membuat perbandingan mengajar, hasil kajian oleh Kaplan & Ozturk (2015), terhadap perbezaan antara kaedah animasi kartun dengan kaedah tradisional berdasarkan buku teks mendapati kaedah kartun secara signifikan lebih berjaya dari kaedah tradisional.

Tuntasnya, animasi kartun sememangnya sesuai untuk dijadikan bahan bantu mengajar penulisan karangan. Hal ini disebabkan oleh faktor animasi kartun itu sendiri sememangnya digemari oleh ramai orang amnya dan kanak-kanak khususnya.

### **Objektif Kajian**

Secara umum, objektif kajian ini ialah:

1. Mengenal pasti permasalahan dalam penulisan karangan berfakta murid Tahun 4.
2. Membina modul animasi kartun bagi murid dalam pembelajaran karangan berfakta Bahasa Tamil.
3. Membandingkan tahap pencapaian skor karangan murid dalam ujian pra dan ujian pasca antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan selepas penggunaan animasi kartun.

### **Persoalan Kajian**

Dalam menjawab objektif kajian, maka tiga persoalan kajian dibina, iaitu seperti berikut:

1. Apakah masalah yang dihadapi oleh murid Tahun 4 dalam pembelajaran penulisan karangan Bahasa Tamil?
2. Apakah kandungan yang diperlukan dalam pembinaan modul animasi kartun bagi pembelajaran karangan berfakta Bahasa Tamil?
3. Sejauh manakah perbezaan terhadap tahap pencapaian skor ujian pra dan pasca antara kumpulan kawalan dan rawatan selepas penggunaan animasi kartun?

### **Metodologi**

Kajian ini menggunakan reka bentuk campuran, iaitu kuantitatif dan kualitatif yang berbentuk tinjauan. Fasa pertama kaedah kuantitatif dan fasa kedua menggunakan kaedah kualitatif.

Dalam Fasa I kajian ini menggunakan kaedah kuasi eksperimen. Kaedah ini digunakan kerana selari dengan ciri-ciri yang wujud dalam kajian ini, iaitu bersifat inferensi kerana data diuji secara mendalam. Ciri kedua kajian ini adalah lebih kepada sesuatu yang menunjukkan sampel yang hendak digunakan telah disediakan atau ditentukan oleh pengkaji. Sampel kajian ini dipilih oleh pengkaji kerana sampel merupakan satu aliran pelajaran yang sama, umur sebaya dan mempunyai pencapaian yang setara. Kaedah ini dipilih berdasarkan piawai yang terdapat dalam kuasi eksperimen. Kaedah ini digunakan adalah berdasarkan pandangan Campbell dan Stanley (1969). Kaedah ini digunakan dengan cara pelaksanaan ujian pra dan ujian pasca. Dalam kajian ini, kuasi eksperimen direkabentukkan dalam Rajah 3.1.

Dalam Fasa II pula, kaedah analisis karangan murid digunakan. Kaedah ini digunakan untuk meninjau peringkat kualiti karangan murid berdasarkan kriteria penskoran. Kaedah ini digunakan dengan berpandukan analisis karangan yang disediakan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2017.

Kumpulan Rawatan	Ujian Pra O <sub>1</sub>	X <sub>1</sub>	Ujian Pasca O <sub>2</sub>
Kawalan	O <sub>1</sub>	X <sub>2</sub>	O <sub>2</sub>


**Rajah 1: Reka Bentuk Kajian Kuasi Eksperimen Bagi Penyelidikan Ini**

**Petunjuk:**

- O<sub>1</sub> = Pembolehubah tidak bersandar
- O<sub>2</sub> = Pembolehubah bersandar
- X<sub>1</sub> = Penggunaan Kaedah Animasi Kartun
- X<sub>2</sub> = Penggunaan Kaedah tradisional (buku teks)
- = Olahan

Rajah 1 menunjukkan reka bentuk ujian pra dan ujian pasca yang dijalankan terhadap kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Kumpulan kawalan diajar dengan menggunakan kaedah tradisional manakala kumpulan rawatan diajar dengan menggunakan kaedah animasi kartun dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan fakta Bahasa Tamil. Simbol O<sub>1</sub> merupakan simbol yang menunjukkan proses ujian pra manakala O<sub>2</sub> menunjukkan proses ujian pasca. Simbol X<sub>1</sub> menunjukkan penggunaan kaedah animasi kartun terhadap kumpulan rawatan sebagai proses eksperimen selepas ujian pra dan sebelum ujian pasca. X<sub>2</sub> menunjukkan proses penggunaan kaedah tradisional terhadap kumpulan kawalan selepas ujian pra dan sebelum ujian pasca dilaksanakan. Simbol ---- pula merupakan olahan atau proses eksperimen dilaksanakan selepas ujian pra dan sebelum ujian pasca. Ujian pra diadakan untuk melihat kualiti dan pencapaian sedia ada murid dalam menulis karangan fakta Bahasa Tamil. Ujian pasca ditadbir setelah proses eksperimen dilakukan selama empat minggu terhadap sampel.

Dalam kajian ini, populasi sasaran adalah semua murid Tahun Empat yang belajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dalam Malaysia. Populasi yang boleh dicapai adalah murid Tahun Empat di sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di daerah Seremban, Negeri Sembilan. Terdapat dua buah kelas Tahun Empat di sekolah tersebut dan seramai 64 orang murid akan dijadikan sampel bagi kajian ini.



**Rajah 2: Populasi Sasaran, Populasi Capaian dan Sampel**

Kaedah persampelan bertujuan digunakan dalam kajian ini bagi mengumpulkan maklumat dari sekumpulan sampel yang khusus serta bertepatan dengan objektif kajian. Kajian ini melibatkan responden yang terdiri daripada murid-murid Tahun Empat yang berbangsa India. Kumpulan rawatan dipilih dari kelas 4A manakala kumpulan kawalan dipilih dari kelas 4B. Pencapaian responden dalam Bahasa Tamil khususnya dalam penulisan karangan fakta adalah dalam kategori sederhana. Kaedah persampelan bertujuan ini dipilih supaya dapat menjurus kepada objektif kajian sasaran. Pemilihan sampel ini adalah kerana masih tiada kajian yang dijalankan tentang penggunaan animasi kartun dalam kemahiran penulisan karangan fakta Bahasa Tamil di daerah Seremban. Pengkaji juga memastikan bahawa murid dari kedua-dua kumpulan ini adalah setara melalui ujian pra dengan menguji perbezaan min bagi ujian tersebut. Ia dilaksanakan bagi memastikan perubahan yang berlaku disebabkan oleh rawatan yang diberikan dan bukannya disebabkan oleh faktor murid. Dua buah kelas Tahun Empat dipilih sebagai kumpulan kajian yang masing-masing terdiri daripada 31 dan 33 orang murid yang telah ditentukan oleh pengkaji. Kedua-dua kumpulan kajian akan dikenal pasti kehomogenannya dalam kemahiran penulisan karangan fakta melalui ujian pra. Hal ini bertujuan untuk memastikan kedua-dua kumpulan adalah homogen iaitu mempunyai pencapaian yang sama sebelum kajian supaya kajian yang dijalankan adalah adil untuk kedua-dua kumpulan. Ujian tersebut dijalankan seminggu sebelum rawatan kajian dijalankan. Kajian dijalankan di sekolah ini kerana memudahkan pentadbiran kajian dan mudah mendapat kerjasama daripada rakan sekerja.

Terdapat tiga instrumen yang digunakan dalam kajian ini. Instrumen kajian ini meliputi ujian pra, ujian pasca dan soal selidik kepada pakar bagi mengetahui tahap kualiti kandungan modul animasi kartun.

**Jadual 1: Instrumen Untuk Menjawab Persoalan Kajian**

Instrumen	Persoalan Kajian
Ujian pra	i. Apakah masalah yang dihadapi oleh murid Tahun 4 dalam pembelajaran penulisan karangan Bahasa Tamil?
Soal Selidik	ii. Apakah kandungan yang diperlukan dalam pembinaan modul animasi kartun bagi pembelajaran karangan berfakta Bahasa Tamil?

- 
- Ujian Pasca      iii. Adakah perbezaan terhadap tahap pencapaian skor ujian pra dan pasca antara kumpulan kawalan dan rawatan selepas penggunaan animasi kartun?
- 

Ujian pra dan pasca bagi kajian ini telah diselaraskan dengan sukatan pelajaran Bahasa Tamil Tahun Empat. Kertas soalan bagi ujian pra dan pasca ini mempunyai Bahagian B iaitu karangan fakta sahaja yang memperuntukkan 25 markah. Murid disyorkan dijawab dalam masa 30 minit (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2017). Karangan yang ditulis harus tidak melebihi 80 patah perkataan. Tema karangan berdasarkan dalam Sukatan Pelajaran Tahun Empat. Kertas soalan ini dicetak dalam satu halaman sahaja. Ujian pasca telah diadakan bagi melihat kualiti dan pencapaian karangan murid setelah melalui proses eksperimen selama empat minggu terhadap sampel. Penilaian dilakukan terhadap aspek kegramatisan bahasa, laras, idea, pengolahan dan gaya bahasa mengikut ketetapan skema Bahasa Tamil. Dalam ujian ini operasinya merupakan skor. Skor ini diambil untuk menganalisis data. Skor isi karangan murid dianalisis berdasarkan skema penskoran oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2017. Min digunakan bagi membandingkan perbezaan pencapaian skor karangan fakta murid dalam kumpulan kawalan dengan kumpulan rawatan. Kajian ini telah dilaksanakan dalam waktu persekolahan disebabkan kemahiran yang dipilih terkandung dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran KSSR Tahun Empat dengan kebenaran Jabatan Pelajaran Negeri dan guru besar di sekolah terlibat.

### Dapatkan Kajian

#### *Demografi Responden*

Kajian ini adalah bertujuan melihat kesan penggunaan animasi kartun terhadap penulisan karangan fakta murid. Kajian ini melibatkan 64 orang murid Tahun Empat di sekolah A. Murid kumpulan A atau rawatan terdiri daripada 17 orang murid lelaki dan 16 orang murid perempuan. Manakala murid kumpulan B terdiri daripada 16 orang murid lelaki dan 15 orang murid perempuan. Sekolah tersebut merupakan sekolah bandar. Responden terdiri daripada murid pencapaian setara dalam mata pelajaran Bahasa Tamil Pentaksiran tahun 4. Skor markah karangan murid dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 29.0. Data yang telah dikumpul ini dianalisis menggunakan Kaedah Analisis Deskriptif.

#### ***Masalah Yang Dihadapi Oleh Murid Tahun 4 Dalam Pembelajaran Penulisan Karangan Fakta Bahasa Tamil***

Isu utama yang menjadi cabaran kepada guru-guru yang mengajar penulisan karangan jenis fakta di sekolah rendah terutamanya murid Tahun Empat ialah murid masih awal dalam pembelajaran kemahiran penulisan karangan serta baru mula dibimbing menulis dalam bentuk perenggan. Ini menimbulkan kebimbangan dalam kalangan guru kerana murid lemah menulis pendahuluan. Pendahuluan yang ditulis tidak mempunyai kesinambungan serta mereka tidak mampu mengolah isi karangan dengan baik. Murid juga tidak dapat menulis idea dengan ayat gramatis, penggunaan kota kata yang terhad, struktur ayat yang tidak betul. Panjang karangan tidak mencukupi 80 patah perkataan dan pelbagai lagi masalah lain yang berkaitan dengan aspek bahasa tidak dikuasai oleh murid. Tambahan pula, kegagalan murid untuk mengolah isi karangan dengan baik berpunca daripada kegagalan menguasai aspek kosa kata. Kosa kata yang digunakan oleh murid adalah terhad dalam penulisan karangan menyebabkan pengolahan ayat terlalu mudah dan ringkas. Ini menyebabkan murid menganggap menulis karangan adalah

sesuatu aktiviti yang membebankan dan akhirnya akan menghilangkan minat mereka untuk belajar.

### **Skema Penskoran Markah Karangan**

Dalam kajian ini, karangan murid dianalisis berdasarkan skema penskoran markah UPSR Bahasa Tamil, Lembaga Peperiksaan Malaysia (2016). Ujian pra telah ditadbir terhadap 64 orang murid tahun empat yang masing-masing terdiri daripada 31 orang murid kumpulan kawalan dan 33 orang murid kumpulan rawatan. Skema penskoran markah karangan ditunjukkan dalam Jadual 2

**Jadual 2: Skema Penskoran Markah Karangan**


KRITERIA	MARAKAH
கருத்து / Isi	<b>15</b>
- Pendahuan	3
- 3 Isi Penting, Pengolahan Idea Dan Contoh	9
- Penutup	3
சொல் வளம் / Laras bahasa	<b>2</b>
வாக்கிய அமைப்பு / Struktur ayat	<b>2</b>
நிறுத்தற்குறிகள் / Tanda baca	<b>2</b>
எழுத்து கூட்டல் / Ejaan	<b>2</b>
படைப்பு / Penyampaian	<b>2</b>
<b>மொத்தம் / Jumlah</b>	<b>25</b>

Sumber: Lembaga Peperiksaan Malaysia , 2016

Proses rawatan telah dilaksanakan selama empat minggu atau sebulan kepada murid kumpulan rawatan. Kumpulan murid rawatan didedahkan kepada modul animasi kartun sebagai rawatan selama empat minggu pengajaran dan pembelajaran karangan fakta Bahasa Tamil. Manakala murid kumpulan kawalan diajar dengan menggunakan kaedah tradisional. Selepas tamat proses rawatan ujian pasca ditadbir untuk melihat keberkesanan modul animasi kartun terhadap kumpulan rawatan. Murid kumpulan kawalan juga terlibat dalam ujian pasca.

### **Analisis Markah Ujian Pra dan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan**

Rajah 3 menunjukkan perbezaan markah ujian pra dan ujian pasca kumpulan kawalan yang terdiri daripada 31 orang murid. Murid kumpulan ini diajar dengan menggunakan kaedah tradisional dalam pembelajaran penulisan karangan fakta Bahasa Tamil.



**Rajah 3: Analisis Markah Ujian Pra dan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan**

Hasil analisis ini menunjukkan tiada murid dalam kategori cemerlang dalam ujian pra dan ujian pasca. 5 orang murid kumpulan ini mendapat kategori baik dalam ujian pra dan 7 orang murid dalam ujian pasca. Terdapat 8 orang murid mendapat kategori memuaskan dalam ujian pra dan 7 orang murid dalam ujian pasca. Seterusnya terdapat 18 orang murid mendapat kategori lemah dalam ujian pra dan 17 orang murid dalam ujian pasca. Analisis ini menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara markah ujian pra dan pasca kerana murid diajar dengan menggunakan kaedah tradisional sebelum dan selepas ujian pra. Pencapaian skor ujian pasca antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan seperti Jadual 3 dibawah.


**Jadual 3: Pencapaian Skor Ujian Pasca Antara Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Rawatan.**

Murid	Kumpulan Kawalan	Murid	Kumpulan Rawatan
<b>M1</b>	10	<b>M1</b>	19
<b>M2</b>	19	<b>M2</b>	11
<b>M3</b>	7	<b>M3</b>	23
<b>M4</b>	5	<b>M4</b>	12
<b>M5</b>	18	<b>M5</b>	18
<b>M6</b>	7	<b>M6</b>	21
<b>M7</b>	10	<b>M7</b>	16
<b>M8</b>	6	<b>M8</b>	14
<b>M9</b>	13	<b>M9</b>	17
<b>M10</b>	8	<b>M10</b>	20
<b>M11</b>	18	<b>M11</b>	13
<b>M12</b>	8	<b>M12</b>	15
<b>M13</b>	13	<b>M13</b>	16
<b>M14</b>	6	<b>M14</b>	21
<b>M15</b>	5	<b>M15</b>	12
<b>M16</b>	18	<b>M16</b>	18
<b>M17</b>	8	<b>M17</b>	19

<b>M18</b>	11	<b>M18</b>	19
<b>M19</b>	8	<b>M19</b>	22
<b>M20</b>	7	<b>M20</b>	17
<b>M21</b>	12	<b>M21</b>	10
<b>M22</b>	9	<b>M22</b>	20
<b>M23</b>	9	<b>M23</b>	16
<b>M24</b>	7	<b>M24</b>	16
<b>M25</b>	15	<b>M25</b>	21
<b>M26</b>	12	<b>M26</b>	20
<b>M27</b>	5	<b>M27</b>	12
<b>M28</b>	16	<b>M28</b>	15
<b>M29</b>	5	<b>M29</b>	20
<b>M30</b>	7	<b>M30</b>	11
<b>M31</b>	18	<b>M31</b>	11
-	-	<b>M32</b>	16
-	-	<b>M33</b>	23

Jadual 3 menunjukkan keputusan ujian pasca antara murid kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Keputusan menunjukkan tiada murid kawalan mendapat markah kategori cemerlang dalam ujian pra, manakala 10 orang murid kumpulan rawatan mendapat markah kategori cemerlang. Seramai 7 orang murid kumpulan kawalan mendapat markah kategori baik, manakala 14 orang murid kumpulan rawatan mendapat markah kategori baik. Seterusnya 7 orang murid kumpulan kawalan mendapat markah dalam kategori memuaskan, manakala 9 orang murid kumpulan rawatan mendapat markah kategori memuaskan. Seramai 17 orang murid kumpulan kawalan mendapat markah dalam kategori lemah dan tiada murid kumpulan rawatan mendapat markah kategori lemah.

#### Perbezaan Markah Ujian Pra Dan Ujian Pasca Kumpulan Rawatan



Rajah 4: Perbezaan Markah Ujian Pra dan Ujian Pasca Kumpulan Rawatan

Rajah 4 menunjukkan perbezaan markah ujian pra dan ujian pasca murid kumpulan rawatan yang terdiri daripada 33 orang murid. Hasil analisis ini menunjukkan tiada murid dalam kategori cemerlang dalam ujian pra manakala terdapat 10 orang murid dalam ujian pasca. 4 orang murid kumpulan ini mendapat kategori baik dalam ujian pra dan 14 orang murid dalam ujian pasca. Terdapat 7 orang murid mendapat kategori memuaskan dalam ujian pra dan 9 orang murid dalam ujian pasca. Seterusnya terdapat 22 orang murid mendapat kategori lemah dalam ujian pra dan tiada murid dalam ujian pasca. Analisis ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara markah ujian pra dan pasca kerana murid diajar dengan menggunakan kaedah animasi kartun selepas ujian pra iaitu selama empat minggu atau sebulan.

#### ***Perbezaan Min, Median, Mod Dan Sisihan Piawai Ujian Pra Dan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan***

Dalam kajian ini statistik deskriptif berdasarkan min dan sisihan piawai. Paparan seperti Jadual di bawah.

**Jadual 4: Skor Min Dan Sisihan Piawai Ujian Pra Dan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan**

<b>Ujian</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
Ujian Pra	57.34	7.981
Ujian Pasca	59.71	6.952

Jadual 4 menunjukkan skor berdasarkan min ujian pra dan ujian pasca kumpulan kawalan. Skor min ujian pra menunjukkan 57.34 manakala skor min ujian pasca menunjukkan 59.71. Sisihan piawai bagi ujian pra menunjukkan 7.981 dan ujian pasca menunjukkan 6.952. Keputusan ini menunjukkan bahawa terdapat sedikit perbezaan yang signifikan antara ujian pra dengan pasca kerana murid kumpulan kawalan diajar dengan menggunakan kaedah tradisional dalam pembelajaran penulisan karangan fakta Bahasa Tamil.

#### ***Perbezaan Min, Median, Mod Dan Sisihan Piawai Ujian Pra Dan Ujian Pasca Kumpulan Rawatan***

Dalam kajian ini statistik deskriptif berdasarkan min dan sisihan piawai. Paparan seperti Jadual di bawah.

**Jadual 5: Skor Min Dan Sisihan Piawai Ujian Pra Dan Ujian Pasca Kumpulan Rawatan**

<b>Ujian</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
Ujian Pra	65.35	10.444
Ujian Pasca	78.84	7.712

Jadual 5 menunjukkan skor berdasarkan min ujian pra dan ujian pasca kumpulan rawatan. Skor min ujian pra menunjukkan 65.35 manakala skor min ujian pasca menunjukkan 78.84. Sisihan piawai bagi ujian pra menunjukkan 10.444 dan ujian pasca menunjukkan 7.712. Keputusan ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara ujian pra dengan pasca kerana murid kumpulan rawatan diajar dengan menggunakan kaedah animasi kartun dalam pembelajaran penulisan karangan fakta Bahasa Tamil. Justeru, skor min ujian pasca berdasarkan kaedah animasi kartun dalam penulisan karangan fakta lebih tinggi berbanding skor ujian pra.

Kajian ini menggunakan kaedah campuran kualitatif dan kuantitatif. Maka, perisian SPSS 27.0 telah digunakan untuk mendapatkan skor min, median, mod dan sisihan piawai. Dapatan kajian membuktikan terdapat perbezaan yang signifikan antara ujian pra dan pasca. Kaedah animasi kartun terhadap pembelajaran penulisan karangan fakta Bahasa Tamil menunjukkan peningkatan dari segi kualiti dan pencapaian karangan murid. Kaedah ini harus diaplikasi dalam pengajaran dan pembelajaran karangan Bahasa Tamil terutamanya bagi murid tahap dua. Pengetahuan am yang diperoleh murid melalui kaedah ini mampu menepati kehendak soalan atau tajuk karangan secara holistik.

### **Perbincangan Kajian**

Perbincangan adalah berkisar kepada objektif dan dapatan kajian. Kajian dilakukan terhadap 33 orang murid tahun empat bagi kumpulan rawatan dan 31 murid bagi kumpulan kawalan di salah sebuah Sekolah Rendah Tamil di daerah Seremban, Negeri Sembilan. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam penulisan karangan fakta sebelum dan selepas menggunakan kaedah animasi kartun dalam pembelajaran penulisan karangan fakta Bahasa Tamil. Kajian Nur Asilah Anuar & Nor Hafizah Adnan (2021), menjelaskan karangan murid tidak akan berada bawah dari tahap cemerlang jika murid diajar karangan dengan teknik pengajaran yang bersesuaian dan tepat mengikut kemampuan murid. Kematangan berfikir dan aplikasi idea memerlukan suatu teknik pengajaran yang seragam.

Berdasarkan dapatan kajian, kualiti dan pencapaian karangan murid dikenal pasti meningkat dalam penulisan karangan fakta kerana teori yang digunakan bersesuaian dengan ciri-ciri kaedah animasi kartun (Nur Asilah Anuar & Nor Hafizah Adnan, 2021). Kaedah yang digunakan ini bukan bersifat pasif malah bersifat aktif dan proaktif, elemen animasi yang tidak jemu, boleh digunakan pada bila-bila masa, segala aktiviti juga boleh digunakan pada bila-bila masa, segala aktiviti juga boleh dikawal oleh murid walaupun tanpa pemantauan guru (Nur Aainan Muhammad & Siti Mistima Maat, 2020).

Dapatan kajian ini adalah selaras dengan teori konstruktivisme, iaitu kualiti dan pencapaian karangan murid meningkat kerana adanya penggabungan pengetahuan sedia ada dengan pengetahuan baharu. Hampir sebahagian daripada murid mencapai skor cemerlang dalam karangan fakta ujian pasca berbanding tiada seorang murid yang mencapai skor ini dalam ujian pra setelah menggunakan kaedah animasi kartun dalam pembelajaran karangan fakta Bahasa Tamil. Konstruktivisme merupakan proses pembelajaran yang menerangkan bagaimana pengetahuan disusun dalam minda seseorang manusia (Avralinetine Epin & Nurfaradilla Mohamad Nasri, 2021). Keputusan kajian ini juga menyokong keputusan (Malini Binti Kamlin & Tan Choon Keong, 2020) yang menyatakan bahawa kaedah animasi kartun dalam pengajaran dan pembelajaran akan berlangsung dengan lancar kerana berpusatkan murid. Situasi pembelajaran mungkin mampu membentuk murid berdaya saing yang mampu berdepan dengan sebarang halangan selain berfikiran kreatif dan inovatif (Marzni Mohamed Mokhtar, 2020).

Kajian yang telah dijalankan oleh Mohamad Ikhmal Abdul Aziz et.al, (2022), mendapati guru boleh melihat faedah menggunakan ketersediaan multimedia untuk meningkatkan persekitaran bilik darjah cara tradisional. Aktiviti dalam multimedia mampu meningkatkan daya fikir murid ke arah lebih matang mencungkil dan mencipta sesuatu yang baharu. Pembelajaran Bahasa Tamil wajar menggunakan animasi kerana mencetuskan suasana pembelajaran maksimum untuk belajar menulis (Mera Putri Dewi, Neviyarni S, Irdamurni, 2020).

Berkisar pada pendapat Mohd Khairulnazrin Mohd Nasir, Muhammad Abdul Rahim Kamarul Zaman, Muhammad Adam Abd. Azid & Abdul Azib Hussain (2021), terdapat dua faktor yang membuatkan wahana pengajaran dan pembelajaran ini dianggap memberangsangkan murid. Antaranya, animasi kartun memberikan ruang kepada murid untuk menguji tahap kepintaran minda murid menyerap maklumat yang bermakna dan berkesan. Kepelbagaiannya ilmu dalam multimedia mampu meningkatkan daya kognitif murid menyusun kata, frasa dan ayat secara sistematis untuk menghasilkan karangan fakta yang berkualiti.

Ciri-ciri elemen multimedia seperti teks, grafik, audio dan animasi boleh membekalkan kelainan maklumat dan sesuai dengan pengajaran linguistik. Kenyataan ini sejajar dengan pandangan Kavitha Ratnam (2017) yang menyatakan bahawa ciri-ciri elemen multimedia menyediakan beberapa maklumat tersurat lagi dinamik berkaitan linguistik. Pembelajaran lebih mesra dan meriah menjadikan murid proaktif dalam pembelajaran. Proses penyampaian ilmu dengan menggunakan kaedah animasi kartun akan lebih pragmatik dan sistematis. Segala yang wujud di persekitaran dan fantasi dapat dilihat, didengar, dibaca dan diaplifikasi maklumat yang relevan dalam penulisan karangan. Dapatkan ini juga menyokong keputusan Muhammad Affan Bin Ahmad, Erda Wati Binti Bakar & Jowati Binti Juhary (2022) yang menjelaskan bahawa teknologi yang kompleks boleh membawa anjakan paradigma dalam pengetahuan dunia tanpa sempadan.

Dapatkan kajian juga mendapati kaedah tradisional dalam pengajaran dan pembelajaran karangan fakta Bahasa Tamil, terdapat sedikit perbezaan dari segi pencapaian murid tetapi kualiti penulisan masih berada pada peringkat yang sama. Guru merupakan agen pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil, harus sentiasa mempelbagaikan kaedah dan teknik pengajaran dalam membentuk modal insan (Ahmad Fikri Ab. Rahman & Zamri Mahamod, 2019). Kajian Marzni Mohamed Mokhtar, 2020 mendapati penulisan yang baik bukan hanya bergantung pada kebolehan murid mengerang tetapi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah harus berpusatkan murid.

Logambigai Bakthaselvan & Muhammad Saiful Haq Bin Hussin, 2022 menyokong kepada teknologi maklumat dan komunikasi untuk meningkatkan pencapaian dan kualiti penulisan murid. Guru perlu mempelbagaikan teknik pengajaran yang menarik dan berkesan serta penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi untuk menarik minat murid. Murid harus membaca pelbagai bahan untuk meningkatkan pengetahuan, fakta dan maklumat yang sesuai dengan perkembangan semasa.

Kaedah animasi merupakan medium tanpa batasan dan menjimatkan masa murid dalam menguasai dan mengaplikasi kepelbagaiannya kata, frasa dan ayat dalam penulisan. Murid dapat mengesan ayat dengan pantas malah dapat menentukan ayat aktif, pasif, songsang dan banyak jenis ayat yang lain apabila menggunakan pelbagai animasi kartun dalam pembelajaran. Berpandukan kesan lain, animasi kartun mengajar murid mengorganisasi dan membina ayat dalam karangan (Marzni Mohamed Mokhtar, 2020). Ayat berbentuk deduktif mampu disusun kepada induktif dan sebaliknya sehingga mendapat ayat yang lebih tepat lagi jitu.

Kaedah animasi kartun memberi ruang kepada murid memperoleh ilmu dengan hasil usaha sendiri. Murid tidak lagi bergantung kepada penerangan guru menyelesaikan karangan yang diberikan. Segala urusan dan kehendak murid menjadi mudah dengan pengaksesan multimedia. Dapatkan ini menyokong pandangan Rismah Iye,A.Et.Al (2023) bahawa pendekatan inovatif

dalam pengajaran dan pembelajaran membuatkan murid melakukan sesuatu aktiviti secara tidak berulang kerana mendapat maklum balas secara spontan.

Dapatkan ujian pasca juga mendapati huraian karangan murid kumpulan rawatan lebih matang dan relevan daripada ujian pra. Seramai 24/33 orang murid kumpulan rawatan lemah dalam menulis pendahuluan karangan. Pendahuluan yang ditulis tidak mempunyai kesinambungan serta tidak mampu mengolah isi karangan dengan baik. Manakala 22/33 orang murid pula tidak dapat menulis idea dengan ayat gramatis, penggunaan kosa kata yang terhad, struktur ayat yang tidak betul dan juga tidak dapat memberi contoh yang bersesuaian dalam ujian pra. Setelah murid diajar dengan menggunakan kaedah animasi kartun 25/33 orang murid kumpulan rawatan dapat menulis pendahuluan mengikut tajuk yang diberikan. Seterusnya dapat menghasilkan karangan dengan ayat gramatis dan juga dapat memberikan contoh yang bersesuaian dengan tajuk karangan. Justeru itu, olahan karangan juga menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai kerana pengetahuan murid terjana daripada apa yang telah dilalui (Voon, S.H, & Amran, 2021). Karangan murid banyak diselitkan pengolahan isi yang menarik setelah diajar dengan menggunakan kaedah animasi kartun. Selain itu, karangan murid terdapat unsur bahasa yang bervariasi dan gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa kerana kaedah animasi ini dapat memecahkan tembok pemikiran murid untuk membina ayat gramatis (Muthukumar B Palanisamy, 2020).

Secara keseluruhannya, didapati penulisan karangan fakta Bahasa Tamil meningkat dari segi kualiti dan pencapaian setelah murid diajar karangan fakta dengan menggunakan kaedah animasi kartun. Murid menunjukkan minat yang mendalam terhadap penulisan karangan berbanding sebelum menggunakan kaedah ini. Murid yakin dengan gaya penulisan masing-masing. Semua aspek yang dikehendaki dalam karangan peringkat cemerlang mampu digarap dan diaplikasi oleh murid dengan baik. Kaedah animasi kartun dalam pembelajaran karangan fakta Bahasa Tamil banyak membantu dalam peningkatan pencapaian dan kualiti penulisan.

### Kesimpulan

Kajian ini mendapati setelah menggunakan kaedah animasi kartun dalam pembelajaran karangan fakta Bahasa Tamil ada peningkatan dari segi kualiti dan pencapaian karangan fakta murid. Kaedah animasi kartun dapat menjimatkan masa memberikan penerangan yang berulangan kepada murid. Murid mudah memahami sesuatu isi karangan kerana sifat elemen animasi yang tersedia ada. Dapatkan kajian juga mendapati murid berasa seronok dan bertindak aktif sepanjang pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan. Karangan murid memenuhi kriteria penskoran peringkat cemerlang setelah diajar karangan fakta dengan menggunakan kaedah animasi kartun.

Pengkaji berharapan kaedah animasi kartun dalam pembelajaran karangan fakta digunakan oleh semua guru terutamanya mata pelajaran Bahasa Tamil di negara ini. Kaedah animasi kartun mampu membentuk murid yang berfikiran matang dan meneruskan kecemerlangan akademik sepanjang masa. Dengan ini, suasana belajar yang aktif dan efektif di dalam kelas dapat diwujudkan dengan lebih berkesan lagi.

### Penghargaan

Syukur ke hadrat Hahi dengan limpah kurnia Yang Maha Esa dapat saya menyempurnakan disertasi ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih dirakamkan kepada Profesor Madya Dr. Karthegees Ponniah atas segala nasihat, dorongan dan keprihatinan sepanjang menyempurnakan tesis ini. Pandangan dan tunjuk ajar dari semasa ke semasa, banyak

membantu saya dalam memurnikan tesis ini. Kesabaran penyelia dalam membimbing, berkongsi maklumat bidang kepakaran dan mudah dihubungi sentiasa memberikan keyakinan kepada diri saya. Pada kesempatan ini, saya ingin merakam lestari budi kasih yang tidak terhingga kepada suami tercinta saya, iaitu En. Vickneswaran a/l Veerasinggam di atas segala pengorbanan, dorongan dan irungan doa kepada saya sepanjang menempuh segala cabaran dalam menyiapkan tesis ini. Beliau banyak memberikan nasihat dan keyakinan yang berterusan dan memotivasi saya untuk melengkapkan tesis ini. Tidak lupa, khas ahli keluarga saya yang banyak memahami dan memberikan sokongan moral kepada saya. Sesungguhnya, pihak pentadbir sekolah dan rakan-rakan sekerja yang banyak memahami dan memberikan kerjasama untuk melakukan penulisan ini sehingga Berjaya. Akhir kata, semoga segala bakti yang dicurahkan oleh semua pihak sama ada secara langsung atau tidak langsung akan mendapat rahmat Tuhan. Segala yang baik itu datangnya daripada Yang Maha Berkuaasa ju, manakala segala kekurangan itu adalah kelemahan saya sendiri.

### **Rujukan**

- Ahmad Fikri Ab. Rahman & Zamri Mahamod. (2019). Pendekatan Pengajaran Penulisan Karangan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9 (1): 12-22. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Atasoy, Toksoy, & Calik. (2020). *Keberkesanan Kaedah Kartun Dalam Pencapaian Murid Tahun 4 Bagi Topik Sistem Suria Dalam Matapelajaran Sains*. 3(1), 32-37. Diperolehi Pada 22 Mac 2023 Daripada <Https://Myjms.Mohe.Gov.My/Index.Php/Jdpd/Article/View/12558>
- Avralinetine Epin & Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2021). Modul Celik Karangan: Meningkatkan Kemahiran Dan Minat Murid Tahun Enam Dalam Penulisan Karangan Jenis Fakta. Diperolehi Pada 2 April 2023 Daripada <Https://Myjms.Mohe.Gov.My/Index.Php/Jdpd/Article/View/13506>
- Campbell Dan Stanley. (1969). *Experimental And Quasi-Experimental Designs For Research*. Chicago: Rand McNally & Company.
- Chua Yan Piaw. (2021). *Kaedah Penyelidikan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education Sdn. Bhd.
- Kaplan & Ozturk. (2015). *The Effect Of Concept Cartoons To Academic Achievement In Instruction On The Topics Of Divisibility*. Daripada <Https://Www.Researchgate.Net/Journal/International-Electronic-Journal-Of-Mathematics-Education-1306-3030>
- Kavitha Ratham. (2017). *Kesan Teknik Eksplorasi Internet Berdasarkan Pendekatan Konstruktivisme Terhadap Penulisan Karangan Fakta*. Tanjung Malim. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Logambigai Bakthaselvan & Muhammad Saiful Haq Bin Hussin. (2022). *Pengintegrasian Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (Tmk) Dalam Pendidikan Bahasa Melayu: Pandemik Covid-19*. Vol 5(1): 55-68. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Malini Binti Kamlin & Tan Choon Keong. (2020). *Adaptasi Video Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Abstrak Adopting Video In Teaching And Learning Abstract Pengenalan Tinjauan Literatur Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia Mayer*. 5(10), 105–112. Diperolehi Pada 20 April 2023 Daripada <Https://Doi.Org/10.47405/Mjssh.V5i10.508>
- Marzni Mohamed Mokhtar. (2020). Pembelajaran Dan Pemudahcaraan (Pdpc) Penulisan Karangan Di Kalangan Murid Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Sains Sosial* 1 (1): 24-35. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

- Mera Putri Dewi, Neviyarni S, Irdamurni Irdamurni. (2020). *Perkembangan Bahasa, Emosi, Dan Sosial Anak Usia Sekolah Dasar*. Vol 7, No 1, 26-37. Indonesia: Universitas Islam Sultan Agung.
- Mohamad Ikhmal Abdul Aziz, Marzni Mohamed Mokhtar, Md Mustakim Md Usman, Mohamad As Syafie Az. (2022). Penguasaan Kemahiran Lisan Bakal Guru Bahasa Melayu: Tinjauan Terhadap Tahap Pengetahuan, Kemahiran Dan Masalah Pembelajaran Dalam Talian Semasa Pandemik. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 4(2): 103-114. Serdang: Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Khairulnazrin Mohd Nasir, Muhammad Abdul Rahim Kamarul Zaman, Muhammad Adam Abd. Azid & Abdul Azib Hussain. (2021). *Kemajuan Teknologi Digital, Internet Atau Siber Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Masa Kini*. *Jurnal Pendidikan* 11(22):23-33. Kuala Lumpur: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (Kias).
- Muhammad Affan Bin Ahmad, Erda Wati Binti Bakar & Jowati Binti Juhary. (2022). Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Melalui Pendekatan Konstruktivisme Dalam Pengajaran Seni Bahasa. *Jurnal Sains Sosial*. 7(7): Pusat Bahasa, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia. Daripada <Https://Doi.Org/10.47405/Mjssh.V7i7.1597>
- Muhammad Sahrul Fahiz Mat Ariff & Maizatul Haizan Mahbob. (2020). Impak Media Animasi Kartun Terhadap Kemahiran Menulis Karangan. *Jurnal Wacana Sarjana* 4(4): 1-11. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muthukumar B Palanisamy. (2020). *Analisis Masalah, Cara Penyelesaian Dan Pembinaan Model Dalam Penulisan Bahasa Tamil Murid Tahun 5 Sjk (Tamil)*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nur Aainan Muhammad & Siti Mistima Maat, (2020). Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan (Ptpk) Dalam Kalangan Guru Matematik. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 2(4): 107-117. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Asilah Anuar & Nor Hafizah Adnan. (2021). *Kesan Penggunaan Video Animasi Dalam Kursus Pengaturcaraan Java Bagi Pelajar Ipta*. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 3(2): 84-97. Daripada <Https://Myjms.Mohe.Gov.My/Index.Php/Jdpd>
- Nurul Hidayati, Wahono Widodo, Nadi Suprapto, & Husni Mubarok. (2019). *Development Of Cartoon Concept Based Student Worksheet With Structured Inquiry Approach To Train Science Process Skills*. Volume: 4 Issue: 4, 582 – 592. Daripada <Https://Dergipark.Org.Tr/En/Pub/Ijere/Issue/49208/628413>.
- Norliza Abdullah, Zulkifli Osman Dan Abdul Munir Ismail. (2021). *Penggunaan Kartun Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Di Kalangan Murid Tahun Lima*. Manu, 32(1): 1-17. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Risman Iye, A.Et.Al. (2023). *Pengaruh Media Gambar Terhadap Kemampuan Membaca Permulaan Anak Kelompok A Di Kecamatan Waikase Tahun 2022*. Universitas Iqra Buru, Indonesia.
- Shermala Sivabalan & Faridah Mydin Kutty. (2021). Keberkesanan Kaedah Kartun Dalam Pencapaian Murid Tahun 4 Bagi Topik Sistem Suria Dalam Matapelajaran Sains, *Jurnal Dunia Pendidikan*. 1(3):78-89. Selangor: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Voon, S.H, & Amran. (2021). Pengaplikasian Teori Pembelajaran Konstruktivisme Dalam pembelajaran Matematik. *Jurnal Sains Insasi* 6(2): 73-82. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia